



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN TEGAS: PENYEBARAN DOKUMEN PEROLEHAN DAN SURAT PELANTIKAN VENDOR PALSU MELIBATKAN JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)

CYBERJAYA, 19 MEI 2026 – Jabatan Standard Malaysia (JSM) merujuk kepada penularan dokumen Pesanan Kerajaan (PO) dan surat pelantikan vendor palsu melalui saluran tidak rasmi yang didakwa dikeluarkan oleh pihak Jabatan.

JSM menegaskan bahawa Jabatan tidak pernah mengeluarkan sebarang dokumen PO atau surat pelantikan tersebut. Orang ramai dan komuniti vendor diingatkan bahawa semua urusan perolehan rasmi JSM hanya dilaksanakan secara sah dan telus menerusi sistem ePerolehan Kerajaan Malaysia mengikut tatacara kewangan yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, JSM menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak terpedaya dengan sebarang dokumen mencurigakan yang jelas mengandungi unsur penipuan serta penyamaran identiti pegawai Jabatan. Pihak JSM memandang serius isu ini dan tindakan undang-undang sewajarnya sedang diambil bersama pihak berkuasa.

Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai ketulenan dokumen, sebarang komunikasi, atau tawaran yang didakwa atas nama JSM, semakan pengesahan hendaklah dibuat terus melalui saluran rasmi Jabatan sebelum sebarang transaksi dilakukan bagi mengelakkan implikasi kerugian.

JSM kekal komited dalam memastikan keselamatan, integriti, dan ketelusan sepenuhnya dalam setiap urusan pentadbiran.

----TAMAT----

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
19 MEI 2026**

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standardisasi dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab membangun dan mempromosikan *Malaysian Standards* (MS), serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal pengujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM
Telefon : 03-8008 2891
Faks : 03-8008 2901
E-mel : uks@jsm.gov.my